

17 OCT 2001

Abdullah-Hutan

TINGKATKAN PENERANGAN MENGENAI PENGURUSAN HUTAN NEGARA, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Malaysia perlu memperhebatkan kempen penerangan di dalam dan luar negara bagi meningkatkan kesedaran dan mengatasi masalah tanggapan negatif berhubung pengurusan sumber hutan negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata negara sememangnya telah menguruskan sumber hutannya dengan cekap, berhemat dan bertanggungjawab.

"Saya yakin rakyat Malaysia yang semakin berilmu serta berpengetahuan bakal membantu usaha memberi penerangan serta memperkuatkan hujah negara-negara pengeluar hasil hutan tropika," katanya dalam ucapan pada jamuan malam sempena sambutan ulang tahun ke-100 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di sini, malam ini.

Beliau mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah berkata satu perkara yang harus diingatkan ialah penebangan hutan tidak hanya berlaku di negara-negara tropika tetapi juga negara-negara yang mempunyai hutan sederhana dan boreal.

Abdullah berkata pemeliharaan hutan untuk memastikan kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian hayat merupakan tanggungjawab bersama negara-negara maju dan negara membangun.

"Sehubungan itu, dalam menangani isu-isu perhutanan, negara maju perlu mengambil tanggungjawab bersama dengan memenuhi komitmen pemberian bantuan kewangan dan teknologi yang telah dijanjikan kepada negara membangun," katanya.

Beliau kesal dengan tindakan pihak tertentu termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) asing yang sentiasa mendesak supaya hutan di negara ini dikekalkan sepenuhnya sebagai "sink karbon" untuk menyerap karbon dioksida yang dicurahkan ke atmosfera oleh negara maju.

Ini dilakukan pihak luar termasuk dengan memboikot dan mengecam sumber hutan tropika serta mengenakan pelbagai syarat baru bagi tujuan menghalang pengeksportan produk kayu-kayan tropika.

"Pendirian Malaysia ialah kita memanfaatkan hasil perhutanan secara berkekalan bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan taraf hidup rakyat," katanya.

Abdullah berkata industri perhutanan memberikan pekerjaan kepada kira-kira 250,000 orang dan menyumbang RM17.7 bilion tahun lepas dari segi jumlah eksport barangan berasaskan kayu.

Beliau juga berkata jumlah keluasan hutan simpanan kekal Malaysia kini mencecah 14.45 juta hektar manakala 2.12 juta hektar lagi diwartakan sebagai kawasan perlindungan terdiri daripada taman negara, rizab hidupan liar dan taman negeri.

Pada majlis itu, Abdullah juga melancarkan buku "Sustaining Our Green Heritage" (Mengekalkan Warisan Hutan Kita) yang antara lain memberikan rentetan sejarah jabatan berkenaan yang ditubuhkan pada 1901.

-- BERNAMA

MAM MAM NAK